

Pusat akses komputer rapat jurang ICT sekolah bandar, desa

KLUANG: Kementerian Pelajaran memperuntukkan lebih RM70 juta untuk menyediakan pusat akses komputer dalam usaha meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di 1,500 sekolah, mulai tahun ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pusat akses itu juga akan dibuka kepada penduduk setempat bagi meningkatkan pengetahuan komputer di kalangan masyarakat.

Beliau berkata, projek pusat akses itu sudah dilaksanakan di 10 sekolah di kawasan Parlimen Kalabakan, Sabah dan 51 sekolah rendah dan menengah di negeri Johor.

"Menjelang akhir tahun ini, 33 sekolah di kawasan luar bandar di Johor pula akan dilengkapi kemudahan sama. Projek ini sebahagian agenda besar kementerian mengurangkan jurang ICT di sekolah bandar dan luar bandar terutama di pedalaman," katanya selepas menghadiri Majlis Tadarus al Quran. Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa anjuran Umno Bahagian Sembrong dan Unit Seranta Felda, Jabatan Perdana Menteri di Felda Ulu Belitong, petang kelmarin.

Beliau juga menyampaikan bantuan kepada anak yatim dan mengagihkan bantuan Aidilfitri berjumlah RM701,050 kepada lebih 1,000 pene-

roka di enam kawasan Felda dalam kawasan Parlimen Sembrong.

Pusat akses yang dilaksanakan seperti konsep kafe siber, mengutamakan murid membuat tugas menggunakan komputer.

Hishammuddin berkata, tahun depan, 12,900 unit komputer akan dibekalkan ke 1,290 sekolah di seluruh negara bagi memastikan program itu dilaksanakan secara menyeluruh.

Bagaimanapun, katanya, kementerian akan memastikan sekolah yang tidak menerima bekalan elektrik 24 jam terutama di Sabah dan Sarawak, dibekalkan set generator.

"Tidak guna kita membekalkan komputer ke sekolah sedangkan elek-

FAKTA NOMBOR

Pusat akses komputer

RM70j

Peruntukkan sediakan pusat akses komputer

1,500

Sekolah terbabit

trik tidak ada," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, 'kementerian akan mengkaji semula skim baucar tuisyen berjumlah RM28 juta setahun yang diperuntukkan kepada anak peneroka Felda berikutan pencapaiannya kurang menggalakkan.

Hishammuddin berkata, sejak diperkenalkan, pencapaian anak peneroka hanya menunjukkan sedikit peningkatan dan kajian perlu untuk mencari kaedah lebih baik dalam meningkatkan keputusan akademik pelajar.

"Hasil kajian itu akan kita serahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai menteri bertanggungjawab mengenai Pembangunan Felda." katanya.